

PM: Pengurusan ekonomi terus pragmatik

UM - 1 JUN 2002

PUTRAJAYA 31 Mei — Kerajaan akan terus mengamalkan pengurusan ekonomi yang pragmatik serta memberi perkhidmatan dan kemudahan yang berseesuaian bagi memantapkan pertumbuhan ekonomi negara pada masa depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, selaras dengan semangat 'Malaysia Incorporated', penyediaan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang kondusif turut diberi tumpuan untuk menggalakkan aktiviti sektor swasta.

"Sungguhpun pendekatan kita dalam mengendalikan perniagaan selama ini telah banyak menyumbang ke arah mengekalkan daya saing negara, namun begitu, sektor swasta perlu membuat perubahan dengan pantas supaya menjadi lebih dinamik dan berdaya tahan," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis pembukaan sesi kedua Majlis Dialog Belanjawan 2003 di sini, hari ini.

Dialog sesi pertama yang diadakan semalam memberi tumpuan terhadap isu-isu makroekonomi manakala sesi pada hari ini lebih menjurus kepada isu-isu sektoral.

Belanjawan 2003 akan dibentangkan di Parlimen pada 20 September depan.

Menurut Perdana Menteri, bagi merancakkan lagi ekonomi, Malaysia perlu meneroka pasaran baru seperti China, Asia Barat dan Afrika selain daripada mengurangkan penggantungan terhadap pasaran tradisional yang meliputi Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara Eropah.

"Untuk ini, kita perlu meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan menggalakkan kebolehan kreativiti dan inovasi yang berterusan supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa, lebih-lebih lagi dengan kemasukan China dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)," ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, produk negara perlu berkualiti tinggi, dijual pada harga yang kompetitif serta dapat memenuhi cita rasa pengguna yang semakin canggih.

Tambah beliau, dengan persekitaran luar yang semakin baik, kini merupakan masa yang sesuai bagi sektor swasta merebut peluang perdagangan dan pelaburan.

Katanya, sektor swasta juga boleh menjalin perkongsian bijak dengan rakan strategik untuk meningkatkan pasaran negara.

Dr. Mahathir memberitahu, masih terdapat banyak ruang dalam beberapa industri seperti industri teknologi maklumat komunikasi (ICT), pelancongan pendidikan, pengangkutan dan pertanian untuk diperkembangkan.

Jelasnya, bagi sektor pembuatan, usaha perlu dilakukan untuk beralih daripada tumpuan yang keterlaluan terhadap keluaran elektronik.

Sebaliknya, jelas beliau, keutamaan perlu diberikan kepada industri berasaskan sumber dalam negeri serta pengeluaran pelbagai produk baru.